

RAHSIA KEKUATAN KITA

Kebangkitan dunia Islam hari ini

Al-Ustādh ‘Abdul Qādir Ismā‘īl penulis rencana ini seorang pelajar Melayu di Mesir (Kuliyyat al-Lughah Azhar) berasal dari Terengganu dan pernah menjadi Naib Ketua Persekutuan Putera Semenanjung- di Mesir.



Al-Ustādh ‘Abdul Qādir Ismā‘īl

Dunia Islam sekarang adalah sedang bangkit, hakikat ini terang dan dirasa oleh semua orang. Aliran kebangkitan ini menjadi penting kerana ia dialurkan menuju persatuan negara-negara Islam. Percantuman dunia Islam adalah menjadi cita-cita tiap-tiap orang-orang Islam, kerana itulah jalan bagi menegakkan semula Islam dengan agungnya di tengah-tengah dunia mengulangi zaman kebesaran yang telah silam. Biar pun tujuan itu terlalu tinggi tidak dapat dicapai juga, tetapi selama segala tenaga ditumpu dan ditujukan ke sana, harapan kita kepada masa depan adalah besar.

Berdirinya suatu blok Islam sebagai suatu blok ketiga di antaranya blok Barat dan blok Russia adalah akan jadi pendorong bagi kendurnya pertegangan kedua pihak itu. Bahkan blok Islam akan dapat peluang yang sebaik-baiknya bagi meruntuhkan ideologi Russia dan ideologi Barat dengan ideologi Islam yang terkumpul di dalamnya

segala kebaikan yang ada dalam dua ideologi yang bertentangan tadi, dan yang tidak terkandung di dalamnya segala celaan yang terdapat di dalam kedua-duanya.

Perjuangan kebangsaan yang meluap timbul semenjak lepas perang dunia kedua adalah memelopori jalan kebangkitan dunia Islam. Sebagai hasil perjuangan kemerdekaan di Indonesia terdiri sebuah pemerintah merdeka dengan rakyat seramai 75 juta 90 peratus daripadanya Islam. Di India terdiri sebuah negara Islam besar- Pakistan dengan rakyatnya kira-kira 80 juta. Di Afrika Utara terdiri sebuah negara Islam merdeka lagi iaitu Libya dengan mempunyai rakyat kira-kira delapan juta. Tunis dan Morocco sedang dalam perjuangan, Malaya di dalam perjalanan.

Menoleh ke belakang setahun dua yang lalu, kita akan takjub melihat perbezaan dunia Islam hari ini. Dunia Islam yang sedang bangkit dengan dunia Islam hari semalam sebelum peperangan dunia yang kedua.

Dalam dua tahun yang lalu, beberapa persidangan Islam sedunia telah diadakan. Biar pun hasil-hasil persidangan itu tak dapat dirasa serta-merta, tetapi sekurang-kurangnya ia meninggalkan kesan yang besar pada merapatkan perhubungan negeri-negeri dan umat Islam, dan menanamkan perasaan persatuan yang mendalam dan ini adalah asas kejayaan kebangkitan yang sedang tumbuh itu.

Tujuan besar persidangan-persidangan seperti itu ialah mempelajari keadaan yang ada dan menyusun bersama-sama langkah untuk masalah bersama. Lebih tepat dikatakan ialah bagi mempelajari dan menyokong perjuangan negeri-negeri Islam yang masih dalam perjuangan, dan bagi mengikhtiarkan jalan untuk memaju dan memperkuat perdirian negara-negara Islam yang sudah merdeheka mengenai politik, iktisad, pergaulan dan pelajaran. Kedua-dua segi tujuan itu adalah menuju haluan yang satu iaitu bagi mendirikan sebuah dunia Islam yang kuat, bersatu dan bercantum yang tidak dapat dijadikan alat kuasa-kuasa besar asing secara langsung atau secara tidak langsung.

Dengan sebab inilah maka soal iktisad adalah sangat dipentingkan, kerana kejatuhan negara-negara Timur adalah menerusi iktisad. Sama ada dengan sebab kemiskinannya, atau kekayaan buminya hingga ia jadi rebutan kuasa-kuasa besar atau dengan sebab pergantungannya kepada iktisad negeri-negeri asing dalam segala perkara. Dalam dua tahun yang lepas, dua persidangan iktisad Islam sedunia diadakan di Karachi dan di Tehran dalam pada itu dibincangkan cadangan mengadakan bank pembangunan bagi negara-negara Islam bagi membantu dan memodali segala rancangan-rancangan iktisad besar untuk membangunkan iktisad negara-negara Islam yang rata kaya buminya, sehingga tidak lagi bergantung kepada kuasa-kuasa Barat semata-mata hingga



Kumpulan anak-anak yatim dari "Rumah Yatim" lorong 29 Geylang yang dapat markah tinggi dan mendapat nombor 1 dalam darjah masing-masing di sekolah-sekolah Melayu, Arab dan Inggeris.

diperkotak katikkan olehnya sahaja selama-lamanya. Juga cadangan mengadakan syarikat yang dimodali Barkama oleh masing-masing negeri Islam untuk menjalankan berbagai-bagai perniagaan dikalangan negara-negara Islam bagi meluaskan rancangan-rancangan iktisad itu pada masa depan, dicadangkan supaya didirikan sebuah sekolah tinggi iktisad Islam untuk mengeluarkan orang-orang yang akan menyelenggarakan rancangan-rancangan itu setelah menerima pelajaran dan latihan khas.

Seruan mendirikan blik Islam menapak selangkah-selangkah dengan tindakan Pakistan menganjurkan persidangan Perdana-perdana Menteri negara-negara Islam yang telah ditangguhkan bagi sementara ini dan akan diadakan tak lama lagi.

Gerakan-gerakan Islam yang besar, yang mengobor-ngobarkan seruan Islam terdapat di merata-rata. Di Indonesia wujud Masyumi Muhammad Natsir ketua Masyumi melawat seluruh negeri-negeri Islam dan Arab tak berapa lama dahulu adalah berhubung dengan pembentukan blok Islam di Pakistan terdapat Muslim League yang mempelopori kebangkitan dan gerakan yang ada sekarang. Di Mesir ada pula Ikhwān al-Muslimīn dengan pengikutnya

(sambungan pada muka 33)

4 4 5

Ayuh saudara-segeralah tahu.

5 5 6

Hatiku pilu tidak terhingga

6 6 7

Alami derita-tanda sengsara.

7 7 8

Bangsaku di penjara-dikosa penjajah.

8 8 9

Seperti gajah sudah terpasung.

9 9 10

Hak terpotong-terhuyung hayang.

10 10 11

Tiada lapang-membentang bakti

11 11

Untuk pertiwi-bumi ku sayang

1 1 2

Ayuhai saudara-maralah segera.

2 2 3

Membela negara-pusaka moyang.

3 3 4

Janganlah sayang-merancang tenaga

4 4

Asal bangsa-nusa selamat.....

Barang diingat bahawa tanda-tanda angka yang di atas perkataan-perkataan

itu sengaja saya bubuh untuk menandakan sajaknya sahaja

-iaitu supaya sidang pembaca dapat tahu akan tempat yang

bersajaknya.

Sekianlah sahaja saya berharap supaya sidang pembaca,

terutamanya ahli-ahli bahasa cuba memikirkan-bolehhkah

sajak ini dipakai dalam persuratan Melayu? Haraplah

mendapat sedikit fikiran.

(sambungan daripada muka 29)

yang berjuta di Mesir dan di negeri-negeri Arab, berjuang

dengan kuat dan teratur bagi membangunkan semula Islam,

dan yang jadi pelopor gerakan menuju blok Islam

dikalangan dunia Arab.

Orang-orang Barat, surat-surat khabar Barat dan kawat-kawat berita

Barat selalu mengecap gerakan Islam itu sebagai “fanatik”

(taksab), pada hal Ikhwān al-Muslimīn di Mesir umpamanya

disokong oleh bahagian terbesar pelajar-pelajar Universiti,

ini menunjukkan seruan Islam diterima oleh semua orang

bila diterang dan dihuraikan dengan jelas, benar dan cara

yang teratur.

Peristiwa Iran berkenaan telaga minyaknya dan kejadian-kejadian

di Mesir pada dua tahun yang lalu adalah menarik perhatian.

Kejadian-kejadian itu menambahkan kepercayaan umat Mesir kepada

diri sendiri, dan menjadikan dunia Islam bertambah

menaruh harapan. Jeneral “Najīb” pahlawan yang telah

menurunkan Farouk dari takhta. Adalah menuju kepada

membersihkan negeri dari golongan-golongan penghisap darah rakyat,

dan menuju kepada memperkuat Mesir dalam pembangunannya. Dalam

zaman yang baharu ini gerakan Islam bertambah kencang, dan

tuntutan supaya Mesir membentuk perlembagaan Islam sangat besar.

Berbagai-bagai kejadian dalam beberapa negeri Islam

itu dengan sendirinya memberi semangat kepada negeri-negeri lain,

sebab itu kita lihat sekarang kebangkitan Tunis menuntut

perintahan sendiri. Demikian juga Morocco.

Demikianlah aliran kebangkitan itu membanjiri dunia Islam

terus menerus. Negeri-negeri yang belum bebas memperhebat

perjuangannya dan negara-negara yang sudah merdeka memperhebat

barisannya bersama negara-negara Islam lain, kedua-dua pihak itu

menuju haluan yang satu: meninggikan dunia Islam di tengah-tengah

gelanggang dunia sebagai badan yang satu yang mempunyai kekuatan

yang tersendiri sebagai suatu blok.

-dari “Pembangun”.